



The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1997



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Zainal Kling. (1997). Ciri-ciri Budaya Melayu Sarawak dan Pembangunan. The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 33-46

CIRI-CIRI BUDAYA MELAYU SARAWAK DAN PEMBANGUNAN

Zainal Kling

I. Dimensi Budaya dalam Pembangunan

Dekad antara 1988-1997 telah dinamakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu sebagai 'World Decade for Cultural Development' (Dekad Dunia untuk Pembangunan Budaya) dengan keyakinan yang amat kuat bahawa kebudayaan adalah teras untuk pembangunan sebuah bangsa. Bersesuaian dengan tanggapan ini maka UNESCO telah mengadakan beberapa sesi persidangan antara kerajaan mengenai dasar-dasar kebudayaan, serta mencapai puncaknya dalam 'World Conference of Mexico City 1982' dengan menerima sebuah *Perisytiharan* yang menyatakan pembangunan adalah suatu proses yang amat kompleks, serba-merangkum dan pelbagai dimensi. Pembangunan hanya akan berkesan jika ia diasaskan kepada kehendak masyarakat sendiri dan berlaku di atas daya dalamannya sendiri.

CIRI-CIRI BUDAYA MELAYU SARAWAK DAN PEMBANGUNAN

oleh

Zainal Kling

I. Dimensi Budaya dalam Pembangunan

Dekad antara 1988-1997 telah dinamakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu sebagai 'World Decade for Cultural Development' (Dekad Dunia untuk Pembangunan Budaya) dengan keyakinan yang amat kuat bahawa kebudayaan adalah teras untuk pembangunan sebuah bangsa. Bersesuaian dengan tanggapan ini maka UNESCO telah mengadakan beberapa sesi persidangan antara kerajaan mengenai dasar-dasar kebudayaan, serta mencapai puncaknya dalam 'World Conference of Mexico City 1982' dengan menerima sebuah *Perisytiharan* yang menyatakan pembangunan adalah suatu proses yang amat kompleks, serba-merangkum dan pelbagai dimensi. Pembangunan hanya akan berkesan jika ia diasaskan kepada kehendak masyarakat sendiri dan berlaku di atas daya dalamannya sendiri.

Apa yang dapat difahami dari tanggapan ini ialah bahawa pembangunan tidak semata-mata dapat diukur secara kuantitatif bahkan juga secara kualitatif, yakni dari sudut kepuasan budaya dan kerohanian bangsa. Pengenalan kepada *Perisytiharan Mexico 1982* itu menyebut bahawa:

"Pembangunan seimbang akan hanya terjamin dengan menjadikan faktor-faktor budaya bahagian penting kepada strategi-strategi yang direka untuk mencapainya; akibatnya, strategi-strategi ini seharusnya sentiasa dibentuk dalam konteks sejarah, sosial dan budaya masyarakat itu sendiri."

(Proceedings, Subregional Meeting and Cultural Division of Development, 2-5 July 1990, Bangkok.)

Tanggapan bahawa budaya adalah asas utama pembangunan mengiktiraf keupayaan budaya tempatan bukan sahaja sebagai rangka untuk segala macam pembangunan dan perubahan dalam masyarakat bahkan perubahan yang didatangkan oleh pembangunan adalah proses asasi kebudayaan. Maka sekaligus juga setiap perancangan yang dilakukan untuk membangun bermakna perancangan untuk perubahan dan pembinaan kebudayaan. Tindakan ini akan melibatkan sekurang-kurangnya tiga proses berkaitan: